KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO | | | |
| TARIKH | : | 6/8/2021 (JUMAAT) | MUKA SURAT | : | 3 |
| JABATAN | : | TNB | | | |

## TNB capai imuniti kelompok dalam kalangan warga kerja

**Kuala Lumpur:** Seramai 82 peratus daripada 35,000 kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah melengkapkan dua dos vaksinasi Covid-19.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Ir Baharin Din berkata, angka itu dicapai hasil kesedaran tinggi untuk membendung penularan pandemik ini.

Menurutnya, vaksinasi menyeluruh menjadi keutamaan kerana sebahagian besar kakitangan perlu berada di lapangan bagi menjamin kestabilan bekalan elektrik sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Operasi TNB adalah perkhidmatan perlu dalam usaha negara memerangi Covid-19 khususnya memastikan bekalan elektrik kekal stabil di lokasi strategik termasuk hospital, pusat kesihatan, pusat simpanan vaksin dan pusat pemberian vaksin.

"TNB juga melaksanakan kempen dalaman bagi menggalakkan seramai mungkin anggota kerja mendaftar untuk menerima vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick)," katanya dalam kenyataan media, semalam.

HM, 6 Ogos 2021_3

**TNB tubuhkan pasukan bertindak khusus untuk program vaksinasi**

Katanya, TNB juga berusaha mendapatkan kerjasama pihak berkuasa di peringkat Persekutuan dan negeri bagi memudahkan kakitangan yang bertugas di barisan hadapan mendapatkan vaksin dalam tempoh segera.

"Kempen dalaman ini berjaya mewujudkan imuniti kelompok dalam kalangan warga kerja TNB.

"Mereka mendaftar secara sukarela kerana wujud kesedaran dan keyakinan keperluan mengawal penularan Covid-19 pada diri, ahli keluarga, kenalan dan pelanggan," katanya.

Menurutnya, syarikat utiliti elektrik negara itu juga menubuhkan pasukan bertindak khusus untuk program vaksinasi dalam usaha mempercepatkan proses vaksinasi kakitangan.